

Hong Kong mungkin haramkan produk akuatik Jepun

B# 14/07/23 m/s 28

Hong Kong: Hong Kong mungkin mengharamkan import produk akuatik dari Fukushima dan wilayah Jepun lain jika Tokyo membuang air sisa radioaktif ke laut, kata seorang pegawai tinggi di bandar itu.

Setiausaha Alam Sekitar dan Ekologi, Tse Chin-wan, berkata walaupun air sisa dari loji nuklear Fukushima yang rosak akan dirawat sebelum dilepaskan ke Lautan Pasifik, sebarang kesilapan dalam proses itu akan menjejaskan ekologi dan keselamatan makanan dengan ketara.

“Penilaian kami menunjukkan wilayah berhampiran Fukushima mempunyai risiko yang lebih tinggi, jadi kami bertanggungjawab untuk penduduk kami.

“Sejumlah 10 wilayah yang terjejas ialah Tokyo, Fukushima, Chiba, Tochigi, Ibaraki, Gunma, Miyagi, Niigata, Nagano dan Saitama,” katanya dalam satu taklimat.

Gempa bumi dan tsunami besar pada Mac 2011 memusnahkan sistem penyejukan loji nuklear Fukushima Daiichi, menyebabkan tiga reaktor cair dan membebaskan sejumlah besar radioaktif.

Tangki menyimpan air yang digunakan sejak kemalangan untuk menyejukkan teras reaktor akan mencapai kapasitinya pada awal 2024.

Pada 2021, kerajaan Jepun mengumumkan rancangan untuk melepaskan secara beransur-ansur air yang dirawat, tetapi masih mengandungi sedikit radioaktif berikutan pencairan kepada tahap selamat.

Minggu lalu, agensi nuklear Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengesahkan rancangan itu, berkata ia memenuhi piawaian antarabangsa dan tidak membabitkan kesan alam sekitar dan kesihatan.

AGENSI